



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH

Office Of The State Secretary Of Sabah

JABATAN KETUA MENTERI

Chief Minister's Department

Aras 28, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah

Jalan UMS, Teluk Likas

88400 KOTA KINABALU, SABAH

MALAYSIA

Tel : +6088-369 900

: +6088-369 901

Faks : +6088-211 016

Rujukan : JKM100-4/20

Tarikh : 18 Jun 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pejabat Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

Yang Berbahagia Datuk / Tuan / Puan,

REPLIKA, SLOGAN DAN LAGU TEMA “SABAH MAJU JAYA”

Perkara di atas dirujuk.

2. Sebagaimana sedia maklum, Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025) telahpun dilancarkan pada 29 Mac 2021. Walau bagaimanapun, tinjauan lapangan mendapati bahawa pembudayaan “Sabah Maju Jaya” masih di tahap yang rendah.

3. Dalam hubungan ini, semua Ketua Jabatan adalah diarah untuk mengambil inisiatif membudayakan “Sabah Maju Jaya” secara menyeluruh di kalangan penjawat awam. Bagi maksud tersebut, semua Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan seperti berikut :

- a) Memainkan lagu tema “Sabah Maju Jaya” selepas lagu Kebangsaan dan Sabah Tanah Airku pada setiap acara rasmi Kerajaan.
- b) Menirikan replika “Sabah Maju Jaya” di hadapan atau di luar premis setiap pejabat atau bangunan Kerajaan Negeri.
- c) Mempamerkan slogan “Sabah Maju Jaya” di pintu masuk premis atau di bangunan utama, di papan kenyataan dan tempat-tempat strategik dalam pejabat, bahagian dan unit masing-masing.
- d) Lain-lain inisiatif yang difikirkan boleh membantu untuk membudayakan “Sabah Maju Jaya”.

...../2-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : JKM100-4/20
Tarikh : 18 Jun 2021
Muka surat : 2

4. Sila pastikan semua dokumen rasmi Kerajaan diletakkan perkataan "Sabah Maju Jaya" di bahagian bawah surat/memo dan seumpamanya seperti yang dijelaskan dalam Pekeliling rujukan: JKM.100-4/62 bertarikh 24 November 2020.

5. Ini hendaklah dilaksanakan secara berterusan melibatkan semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Badan Berkanun dan Syarikat Kepentingan Kerajaan di Sabah termasuklah pejabat-pejabat cawangan di daerah.

6. Sebarang pertanyaan berhubung dengan perkara tersebut, sila hubungi Sekretariat Hala Tuju Sabah Maju Jaya, Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri melalui e-Mail : SabahMajuJaya@sabah.gov.my.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(**DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP**)
Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Setiausaha Persekutuan Sabah
Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah
Jabatan Perdana Menteri
Aras 7, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"